




**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**13 Mac 2021  
29 Rejab 1442**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
<b>Utusan Malaysia</b>	
<b>Berita Harian</b>	
<b>Harian Metro</b>	
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menjinakkan sembilang di Teluk Nipah</li><li>• Lebih 300 nelayan mengeluh,pendapatan terjejas 50 peratus</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Musim cari etok kembali meriah</li><li>• 300 nelayan bimbang sumber rezeki terjejas</li></ul>
<b>The Star</b>	
<b>New Straits Time</b>	
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
<b>Malaysia Gazette</b>	
<b>Harakah</b>	
<b>Malaysia Dateline</b>	
<b>Bernama</b>	
<b>See Hua Daily News (Kuching)</b>	
<b>Guan Ming Daily</b>	
<b>Sin Chew Daily</b>	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO /	THE STAR	NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				12	13/8/2021
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL				

## Gewang



Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

**P**ERINTAH Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula penghujung Mac tahun lalu menyebabkan banyak sektor ekonomi ditutup termasuk pengusaha rumah rakit untuk pemancing di Teluk Nipah, Pulau Indah, Pelabuhan Klang, Selangor.

Penutupan pusat memancing menyebabkan kakak pancing dilanda kerinduan tinggi adu yang heros agar sektor tersebut kembali dibuka.

Seorang guru dari Teluk Gadung, Klang, Saiful Osman, 42, ketika ditemui di rumah rakit Teluk Nipah baru-baru ini berkata, selepas hampir setahun tidak memancing akhirnya hasrat untuk kembali ke 'hubuk' termaktub.

"Saya jarang memancing, setahun dua kali saya akan datang ke sini. Semasa PKP memang tidak memancing langsung."

"Alhamdulillah, hari ini dapat sembilang seberat 3 kilogram. Sebelum itu dapat juga gelama, petanda, siakap dan pari," katanya.

Saiful berkata, dia selesa memancing secara bottom (dasar) bagi menakuk pelbagai spesies ikan yang bermain di tuan pokok kayu berhampiran rumah rakit yang disewa bersama rakan-rakan.

Kata Saiful, memancing sememangnya memerlukan kesabar yang tinggi dan sebagai guru itulah ciri pemancing yang diperlukan.

"Selain Teluk Nipah, saya suka memancing di pesisir pantai Tanjung Harapan, Pejabuhan Klang. Cabaranya juga berbeza."

"Ketika jadi se tengah laut, takut mabuk laut. Jadi, saya lebih selesa memancing teknik bottom di sini."

Sementara itu, seorang pemancing dari Klang, Mohd. Hussaini Abdul Jaafar, 39, hajat hatinya memang ingin memancing di lokasi kegemaran istu di Pulau Sembilan. Lumut, namun disebabkan PKP, lawatan Teluk Nipah pun susah memudah.

"Aktiviti memancing selepas berbulan-bulan tidak melakukannya memang cukup berlaineran rasanya."

"Saya memancing casting dan flopping di kawasan tulun pokok kayu di sini. Kena sabar menanti ikan apa yang bakal memakan umpan," katanya.



WAN sembilang diletakkan bersama hasil tangkapan lain seperti lele, gelama dan siakap.



MOHD. HUSSAINI memancing dengan teknik casting.

SAIFUL bersama ikan sembilang yang berjaya dinangkan.

## Menjinakkkan sembilang di Teluk Nipah

Sementara itu, menurut pengusaha rumah rakit Teluk Nipah, Shairom Rahmat, 50, dia berasa gembira kerana sejak pihak berkuasa memberikan aktiviti memancing lima rumah rakitnya kembali menerima tempahan pemancing.

Sebelum ini katanya, kesemuanya lima rumah rakitnya sepi tanpa suara kakak-kaka pancing yang berbulu sepanjang berada di situ.

"Kawasan tulun berupa pokok kayu merupakan hubuk ikan yang menjadi tempuan pemancing yang rinjani pagutan ikan seperti sembilang, petanda, gelama dan mahupur pari."

"Sewa rumah rakit saya salah RM150 untuk yang kecil dan besar RM300 untuk 12 jam."

"Ramai yang menyewa rumah rakit bermula puluh 6 malam dan keluar pada puluh 8 pagi keesokannya," katanya.

Rahmat berkata, selain mengosahkan rumah rakit, dia turut membuka kecak makan dan minum di

pangkalan bot tersebut.

Katanya, pemancing yang datang sudah pasti inginkan keselesaan sambo merantai pelbagai spesies ikan mahupun ketam memakan umpan.

Selain menjadikan suasana laut yang hidup dan terang, Teluk Nipah sentiasa resti menjalinkan pengunjung dengan pelbagai spesies ikan yang ditangkap hasil titik peluh sendiri.



RUMAH rakit Teluk Nipah yang baru dibina untuk pemancing tegar.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		14	13/7/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

# Lebih 300 nelayan mengeluh, pendapatan terjejas 50 peratus

**PORT DICKSON** — Lebih 300 nelayan mengeluh selepas mata pencarian mereka terjejas akibat projek Kemudahan Import Marin 2 (MIF2) di perairan Port Dickson yang telah dimulakan lebih sebulan lalu.

Mereka mendakwa kawasan projek MIF2 merupakan lubuk ikan yang dikenali sebagai Karang Laut.

Seorang nelayan, Mohd Amin Rahim, 28 berkata, kawasan karang laut sebelum ini merupakan kawasan tumpuan nelayan di sini kerana banyak hasil laut tertumpu di lokasi berkenaan.

"Bila projek ini bermula pendapatan kami terjejas dan kami nelayan dilarang untuk masuk ke kawasan di situ.

"Sekarang ni projek belum siap sepenuhnya pun kami sudah tidak boleh masuk kawasan yang diletakkan boyo," katanya ketika ditemui di perairan Port Dickson di sini semalam.

Tambahnya, perkara itu secara tidak langsung menjelaskan pendapatan mereka hampir 50 peratus.

Seorang lagi nelayan, Hazim Pit, 67, pula mendakwa selain



**MOHD. ZULKIFLI** menunjukkan lokasi projek MIF2 yang dikatakan menjelaskan pendapatan nelayan di perairan Port Dickson semalam.

pendapatan terjejas mereka juga terpaksa menanggung kerugian akibat peralatan rosak.

"Projek MIF2 akan membuatkan banyak kapal besar berlabuh di kawasan berhampiran dan menyebab jaring yang diturunkan rosak apabila terkena sauh kapal.

"Kos kerugian jaring yang rosak dianggarkan berharga RM800 untuk setiap satu," jelasnya.

Menurut Pengurus Persatuan Nelayan Kawasan Port Dickson, Mohd. Zulkifli Mohd Taib, pihaknya telah meminta pampasan sebanyak RM6.5 juta kerana projek berkenaan menjelaskan pendapatan nelayan.

"Projek kekal itu akan memberi kesan kepada pendapatan 362 nelayan untuk selamanya kerana kawasan mereka mencari rezeki terganggu," jelasnya.

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO I	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		19	13/3/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL			

SINAR HARIAN • SABTU 13 MAC 2021

## WARNA-WARNI KEHIDUPAN

Sinar  
Harian  
Malaysia

Dua peserta mencari etok menunjukkan hasil yang dikutip mereka.

Etok seperti dengan masyarakat Kampung Pulau Manis, Sereda untuk dimasak gulai kuning atau direbus dan disalut.

# Musim cari etok kembali meriah

Jadi rutin bagi penduduk di kawasan sungai Terengganu

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Musim panas di Terengganu beserta air pasang surut umpanya perluang keemasan buat penduduk di Kampung Pulau Manis. Serada mencari etok di sepanjang sungai negeri itu.

Program mencari etok pada Khamis yang dianjurkan Urusaria Kalong Warisan di sini disertai seramai 30 peserta terdiri dalam kalangan penduduk setempat termasuk dari daerah

Kuala Nerus dan Marang di sini.

Hasil pencarian sekitar liga jam bermula jam 10 pagi itu berjaya mengutip sebanyak 80 kilogram etok untuk dibawa pulang dan dijadikan juadah dinikmati bersama seisi keluarga.

Seorang penduduk, Mohd Che Embong, 62, berkata, kebiasaannya aktiviti mengutip etok dilakukan ketika air pasang surut bermula bulan Februari hingga Jun.

"Aktiviti mencari etok menjadi rutin bagi penduduk yang



Sebahagian peserta aktiviti mencari etok anjuran Urusaria Kalong Warisan memungut hasil yang diparolah ketika air pasang surut di Sungai Terengganu.

tinggal di lepi sungai di Terengganu, malah ia menjadi sumber makanan utama penduduk yang tinggal di kawasan ini sejak ketika dahulu.

"Banyak cara digunakan untuk mengutip etok sama ada menggunakan sangkar, jaring atau beberapa peralatan yang mudah untuk dibawa bersama ketika menangkap etok," katanya.

Seorang lagi penduduk, Zarkaria Abdul Malik berkata, bagi beliau rasa etok yang manis amat serasi sekiranya dimasak gulai kuning.

"Selain dimasak salah satunya bersama serai, saya lebih suka etok masak gulai kuning malah kebanyaknya penduduk sekitar tempat ini pun gemar memasak menu ini untuk dimakan bersama nasi," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Borhanudin Mohd Yu-

- Etok atau nama semifiktif Corbiculacea ialah keangkerangan.
- Boleh dijumpai di kawasan sungai air tawar yakni pada dasar sungai atau terusan.
- Mudah dijumpai di negeri pantai timur seperti Kelantan dan Terengganu.
- Etok gemerl hidup dalam dasar sungai yang tanahnya berselut.

sof@Mohamed, 42, berkata dia membawa anak dan isterinya untuk merasai sendiri pengalaman mencari etok.

"Saya belum pernah merasai pengalaman mencari etok di sungai. Begitu saya, i adalah satu pengalaman yang menyeronokkan lebih-lebih lagi jika dilakukan bersama ahli faimili," katanya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		28	13/03/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

# 300 nelayan bimbang sumber rezeki terjejas

Projek tambak laut dan pembinaan jeti pelabuhan didakwa menjelaskan mereka

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

**L**ebih 300 nelayan termasuk nelayan berdaftar di perairan Tanjung Kling di sini gusar apabila mata pencarian mereka terjejas akibat projek penambakan laut dan pembinaan jeti pelabuhan berhampiran Jeti Nelayan Kampung Hailam sejak awal bulan ini.

Mereka mendakwa projek di bawah Aziz Kumpulan Melaka Berhad (KMB) bagi pembinaan pelabuhan sepanjang 600 meter bermula Tanjung Bruas itu telah menyukarkan nelayan turun ke laut hingga ada di antara nelayan terpaksa menangkap ikan sehingga hampir ke Pulau Besar.

Ketua Komuniti Nelayan Tanjung Kling, Aziz Japar



Aziz dan Khairulazni menunjukkan jentera yang digunakan untuk menjalankan kerja-kerja cerucuk bagi pembinaan jeti pelabuhan.

berkata, cadangan projek tersebut pernah dimaklumkan pihak berkenaan sejak tahun 2017, namun dalam tempoh itu tiada sebarang sesi dialog atau perbincangan yang diadakan dengan golongan nelayan sebelum projek itu dimulakan baru-baru ini.

Menurutnya, mereka bukan menghalang sebarang pembangunan, namun sekiranya pembangunan itu memberikan kesan negatif kepada pendapatan nelayan, sudah pasti mereka tidak akan menyokong.

“Memang kami kecewa, sepatutnya mereka bincang dan mendengar luahan atau cadangan nelayan agar projek pem-



bangunan itu tidak mengganggu kawasan nelayan menangkap ikan,” katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Kampung Hailam di sini pada Jumaat.

Tambahnya, beliau juga telah membuat laporan polis berhubung perkara itu dan berharap kerajaan negeri campur tangan dalam hal ini agar nasib nelayan terjaga.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Tanjung Kling, Khairulazni Baharuddin mengesahkan menerima aduan itu dan meminta kerajaan negeri segera menangani masalah ini supaya pihak berkenaan lebih prihatin dan mencari jalan penyelesaian terbaik.